

**FENOMENA NOVEL POPULAR ISLAM DI MALAYSIA DAN  
INDONESIA: BACAAN KHUSUS TERHADAP NOVEL AYAT-AYAT  
CINTA DAN SALJU SAKINAH**

*KOH YOUNG HUN*  
*Hankuk University of Foreign Studies*  
*yhkoh@hufs.ac.kr*

*UMMI HANI ABU HASSAN*  
*Hankuk University of Foreign Studies*  
*ummihani.abuhassan@yahoo.com.my*

**ABSTRAK**

Artikel ini meneruskan perbincangan tentang novel popular Islam yang menjadi fenomena di Malaysia dan Indonesia sekitar awal tahun 2003 sehingga kini. Kecenderungan para penulis yang berlatar-belakangkan sastera Islam serius dan kemudiannya menghasilkan sastera Islam popular dilihat sesuatu yang ironis. Jika novel Islam serius menuntut penulis memaknakan falsafah dan pemikiran dalam karyanya, novel popular Islam pula dianggap 'mengikut selera semasa'. Cirinya yang lain terdapat pada judul, ilustrasi dan kulit buku, tema serta latar-belakang penerbit. Kajian ini memfokuskan novel *Salju Sakinah* (2011) oleh Zaid Akhtar dan *Ayat-Ayat Cinta* (2006) oleh Habiburrahman El-Shirazy. Kajian mendapati bahawa dua penulis ini menjadikan ciri popular sebagai strategi untuk menyampaikan agama Islam dengan lebih berkesan. Walau bagaimanapun, Zaid Akhtar memfokuskan penyampaian dakwah kepada Muslim di Malaysia dan Habiburrahman El-Shirazy mengutarakan hubungan harmoni antara Muslim dengan Kristian yang lebih global.

**Kata kunci:** novel popular Islam; *Salju Sakinah*; *Ayat-Ayat Cinta*; strategi dakwah; pemikiran

**THE PHENOMENON OF ISLAMIC POPULAR NOVEL IN MALAYSIA  
AND INDONESIA: READING HABIBURRAHMAN EL-SHIRAZY'S AYAT-  
AYAT CINTA AND ZAID AKHTAR'S SALJU SAKINAH**

**ABSTRACT**

This article attempt to continue the discussion about the Islamic popular novel which has a phenomenon in Malaysia and Indonesia early 2003 until now. The tendency of author who has the background from the serious Islamic literature and then producing the Islamic popular literature seem ironic. If the serious Islamic novel requires the author to use the philosophy and thought in his literary work, the popular Islamic novel is more in accordance with current tastes. Other characteristics found in the title, illustrations, novel covers, themes and the backgrounds of publisher. This article focused *Salju Sakinah* (2011) by Zaid Akhtar and *Ayat-Ayat Cinta* (2006) by Habiburrahman El-Shirazy. The study found that the two of authors make the popular as their strategies to present Islam more effectively. However, Zaid Akhtar focused the Islamic national issues in Malaysia and Habiburrahman El-Shirazy portray the global relations between Muslims and Christians.

**Keywords:** Islamic popular novel; *Salju Sakinah*; *Ayat-Ayat Cinta*; strategies of dakwah; thoughts

## PENGENALAN

Agama Islam yang bertapak di Mekah pada kurun ketujuh masihi berkembang ke seluruh dunia merentasi budaya dan geografi serta muncul sebagai agama kosmopolitan. Di alam Melayu, proses Islamisasi bermula dari Sumatera Barat, Semenanjung Malaysia, Selatan Thailand, Champa dan Kepulauan Jawa. Kemuncak Islamisasinya adalah pada kurun ke 15 masihi. Pelbagai kaedah penyebaran digunakan para pendakwah Islam antaranya melalui perdagangan, perkahwinan setempat dan kesusasteraan.

Ronit Ricci (2010) mengatakan kesusasteraan adalah metode penyampaian Islam yang masih berlansung di Asia Tenggara melalui syair, puisi, cerita rakyat, hikayat sejarah dan penulisan kitab. Hasil kesusasteraan juga telah menyatukan masyarakat Melayu menjadi ummah yang universal dan bertamadun. Kedatangan penjajah barat ke alam Melayu pada abad ke 16 telah memecahkan alam Melayu kepada beberapa negara termasuklah Malaysia dan Indonesia. Walau bagaimanapun, penjajahan tidak berjaya meruntuhkan agama Islam sebagai asas budaya Melayu (Jacobus Ranjabae, 2013). Kesusasteraan Melayu klasik seperti *Bustanus Salatin*, *Tajus Salatin*, *Hukum Kanun Melaka* dan *Adat Acheh* menjadi pedoman masyarakat Melayu di rantau ini. Sekitar 1970-an, perbincangan tentang sastera Islam moden mula tercetus di Malaysia dan Indonesia sehingga memunculkan banyak teori mengenainya.

Artikel ini memberi tumpuan terhadap konsep novel popular Islam yang berbeza daripada novel sastera Islam sebelumnya. Kebangkitannya pada alaf milieu dianggap fenomena baru dalam kesusasteraan Islam di Malaysia dan Indonesia terutama bentuk dan imej watak yang 'sengaja' dipakejkan Islami untuk menarik perhatian pembaca. Walaupun teori-teori sastera Islam mengalami zaman kematangannya, novel-novel berunsurkan Islam lebih memilih jalur popular yang menentang arus kesusasteraan serius. Tambahan lagi, terdapat para pengarang yang sebelumnya menghasilkan sastera Islam serius kemudian memilih untuk menghasilkan novel popular yang bercitra Islam. Justeru, persoalan yang timbul apakah fenomena ini akan membantutkan kemaraan kesusasteraan Islam? Dan apakah faktor utama yang mendorong para pengarang sastera Islam serius terlibat dalam kesusasteraan Islam popular?

## METODOLOGI

Bagi melihat persamaan dan perbezaan fenomena di Malaysia dan Indonesia, kajian ini memilih novel *Salju Sakinah* (2011) oleh Zaid Akhtar dan *Ayat-Ayat Cinta* (2006) oleh Habiburrahman El-Shirazy. Kajian ini menggunakan kaedah analisis teks terhadap dua novel tersebut dengan menghubungkan latar peristiwa yang memunculkan fenomena novel popular Islam.

## FENOMENA SASTERA ISLAM POPULAR DI INDONESIA DAN MALAYSIA

Berangkat daripada kemunculan 'sastra wangi' selepas era kejatuhan Presiden Suharto telah menaikkan nama-nama seperti Ayu Utami, Djenar Maesa Ayu dan Dewi Sartika sebagai penulis liberalis-erotik di Indonesia. Kumpulan penulis sastra wangi berjaya mengumpulkan jumlah pembaca yang ramai berdasarkan catatan jualan yang tinggi (Mohd Zariat, 2012: 59). Sebagai

tindak-balasnya, para penulis daripada kumpulan Forum Lingkar Pena (FLP) mengenengahkan produk sastera popular Islam yang mencabar tema-tema 'sastra wangi'. Pengasas FLP, Helvy Tiana Rossa menjelaskan bahawa cinta menurut Islam adalah universal dan tidak membawa pembacanya kepada kelalaian. Sastera Islam perlulah mengutarakan cinta yang terbina daripada akidah dan akhlak (Monika Arnez, 2009: 48). Prinsip ini menjadi dasar para penulis yang bernaung di bawah FLP termasuklah pengarang novel *Ayat-Ayat Cinta* (2006), Habiburrahman El-Shirazy. Monika Arnez (2009) dan Mohd Zariat (2012) sepakat bahawa novel *Ayat-Ayat Cinta* adalah pencetus kepada fenomena novel popular Islam di Indonesia.

Indonesia pada 1962 telah membuka ruang budaya popular barat apabila televisyen buat pertama kalinya muncul di negara paling ramai umat Islam di dunia. Produk-produk kapitalis barat giat dipromosikan di Indonesia selepas Era Reformasi dengan pertambahan lima saluran televisyen iaitu Metro TV, Trans TV, Trans 7, Lativi dan Global TV menjadikan jumlah saluran televisyen Indonesia sebanyak 10 saluran (Ishadi S.K, 2011: 50). Semua saluran adalah berkonsepkan barat terutama gaya urban dan popular seperti yang diterbitkan oleh MTV, The Discovery Channel, BBC, CNN dan stesen televisyen global. Para pengkaji budaya tempatan seperti Heryanto (2011) dan Ishadi S.K (2011) berpendapat bahawa media-media barat mempengaruhi kelahiran budaya Islam popular. Pada 1980-an, Islam tidak ditonjolkan dengan kekayaan dan gaya moden. Sebaliknya, kebebasan media di Indonesia menyaksikan kemunculan budaya-budaya baru termasuk Islam popular yang dikaitkan dengan ulama-televisyen, 'Ramadan bulan pertandingan rancangan Islam', muzik Islam, periklanan Islam dan sastera popular Islam.

Habiburrahman El-Shirazy tidak pernah membayangkan novel keduanya, *Ayat-Ayat Cinta* (seterusnya AAC) akan menjadi pencetus fenomena novel popular Islam di Indonesia. Beliau menumpahkan pengalamannya selama tujuh tahun belajar di Universiti al-Azhar, Cairo melalui watak utama AAC iaitu Fahri. Habiburrahman mengakui, watak Fahri adalah dirinya sendiri; lelaki yang cintakan ilmu agama, lurus, suka membantu orang lain dan menyayangi ibubapa. Manakala watak Aisya, Maria dan Noura adalah watak-watak non- Indonesia yang ditemuinya di Mesir, sama ada melalui pergaulan seharian dan pembacaan (Ummi Hani Abu Hassan, 2013). Sepanjang menulis AAC selama 10 hari, Habiburrahman berkurung di dalam bilik dan tidak bercakap dengan sesiapa. Setelah selesai, novel ini dijudulkan dengan beberapa tajuk sebelum *Ayat-Ayat Cinta* (Anif Sirsaeba, 2006: 127) Menurut Habiburrahman, tajuk tersebut ingin menyanggahi judul novel kontroversi, *The Satanic Verse* (Ayat-Ayat Syaitan) oleh Salman Rushdi.

AAC disiarkan secara berkala di Akhbar Republika sebelum diterbitkan menjadi novel oleh penerbit yang sama. Di peringkat nasional, Penerbit Republika dikenali sebagai penerbit buku-buku Islam terbesar di Indonesia. Penjualan AAC memberi keuntungan kepada Republika setelah novel ini dicetak lebih 35 kali dengan angka jualan melebihi 700 ribu naskah selama dua tahun terbitannya (Mohd Zariat, 2012: 61). Keadaan ini membuka peluang kepada para penerbit lain untuk meniru AAC terutama pada judul, ilustrasi dan catatan di kulit novel, gaya nama penulis, tema dan perwatakan cerita. Antaranya, trilogi *Syahadat Cinta* (2006), *Musafir Cinta* (2007) dan *Makrifat Cinta* (2007) oleh Taufiqurrahman Al-Azizy, *Mukjizat Cinta* (2007) oleh Muhammad Masykur A.R Said, *Kasidah-Kasidah Cinta* (2007) oleh Muhammad Muhyidin, *Tahajjud Cinta* (2008) oleh Muhammad El Natsir, *Berselimut Sorban Cinta* (2008) oleh Irwanto al-Krienchiehie, dan *Tasawuf Cinta* (2008) oleh M. Hilmi As'ad. Para penulis ini muncul dengan novel pertama mereka yang memiripi penampilan AAC, dipandu penerbit popular yang tidak menerbitkan karya sastera serius.

Selain itu, ilustrasi kulit novel ditampilkan dengan imej Islam popular seperti sepasang mata gadis cantik dan gambar lelaki muda berkopiah. Imej begini dapat menjelaskan peribadi watak utama adalah gadis yang cantik dan taat agama atau pemuda kacak yang soleh. Tambahan di bawah imej diselitkan tema-tema Islam seperti *Novel Spritual Pembangunan Iman, Sebuah Novel Religius, Sebuah Novel Religius Pembimbing Jiwa-Jiwa Pencinta, Sebuah Novel Spritual Keajaiban Cinta* dan *Sebuah Novel Pembangun Jiwa*. Kemiripan lain yang dikesani adalah tanda 'Best Seller' yang diletakkan di kulit novel dan ayat komersial seperti 'Novel Ini Telah Terjual Lebih 20,000 Naskah' yang boleh merangsang minat pembeli. Kajian Mohd Zariat (2012) membuktikan bahawa novel-novel popular Islam diletakkan di rak khusus di kedai buku dengan papan tanda 'Best Seller'.

Kejayaan AAC menyebabkan Habiburrahman El-Shirazy meneruskan penulisannya dengan ciri yang sama iaitu *Ketika Cinta Bertasbih 1* (2007), *Ketika Cinta Bertasbih 2* (2007), *Dalam Mihrab Cinta* (2008), *Bumi Cinta* (2010) dan *Cinta Suci Zahrana* (2011). Perkataan 'cinta' dan perkataan yang melambangkan Islam seperti 'mihrab' 'suci' dan 'bertasbih' yang menjadi imej novel-novelnya telah ditiru para penulis novel Islam popular yang lain. Kajian juga meyakini, kemuncak fenomena novel popular Islam di Indonesia adalah apabila lima daripada lapan buah novel Habiburrahman El-Shirazy diangkat menjadi filem dan sinetron. Para pelakon yang memegang peranan watak-watak novel dianggap peribadi sebenar watak tersebut dan ini memberi keuntungan berganda terhadap penjualan novel .

Di Malaysia, fenomena novel popular Islam berlaku pada akhir 2008 sehingga kini (Mohd Zariat, 2014: 103). Kemunculannya didorongi novel-novel popular Islam Indonesia yang diterjemahkan ke Bahasa Malaysia dan dijual di Malaysia. Pada 30 Mei 2006, syarikat pengedaran buku Islam Malaysia, *Hidayah Publisher* telah mendapat hak menerbit dan mengedarkan semua novel-novel Habiburrahman El-Shirazy di Malaysia, Singapura, Brunei dan sebahagian kecil Filipina (Anif Sirsaeba El-Shirazy, 2006: 141). Ekoran rating jualan yang tinggi mendorong para penerbit lain mencetak novel-novel popular yang bernafaskan Islam seperti yang berlaku di Indonesia. Misalnya Penerbit PTS Sdn Bhd menerbitkan *Salju Sakinah* (2008) oleh Zaid Akhtar, *Warkah Cinta Berbau Syurga* (2008) serta *Kala Cinta dan Wahyu Bersatu* (2013) oleh A. Ubaidillah Alias, *Hidayah Cinta* (2008) oleh Ilham Hamdani dan *Kuntum Cinta di Taman Syurga* (2014) oleh Thoyba Mursyidah. Di bawah produk Novel Cinta, Syarikat Telaga Biru Sdn. Bhd pula menerbitkan *Cinta Ain Naqilah* (2009) oleh Athirah Taha, *Cinta Granada* (2009) oleh Radwa Ashour, *Kutemui Cintanya* ( 2012 ) oleh Dr Farhan Hadi dan *Pemilik Cintaku Setelah Allah dan Rasul* (2012) oleh Fatimah Syarha Mohd Noordin.

Bagi Penerbit Alaf 21, sebelum wujudnya fenomena novel popular Islam di Malaysia, mereka tidak menerima novel-novel yang bertemakan Islam. Bermula pada 2010, penerbit ini mencetak novel-novel popular Islam dibawah pakej Novel Nur. Berbanding PTS Sdn.Bhd dan Telaga Biru, Alaf 21 mendekati pasaran dengan judul keagamaan yang tidak menggunakan kalimah cinta. Kulit buku pula dihiasi dengan gambar wanita bertudung, masjid, bunga serta pasangan lelaki dan wanita muda. Misalnya, *Bisikan An-Nur* (2012) oleh Zharulnizam Shah Z.A, *Rindu Syahadah-Mu* (2012) oleh Raihan Zaffya, *Mahar Setulus Hati* (2011) oleh Ayu Emelda, *Jihad Mardina* (2012) oleh Fida Rohani, *Terucap Syahadah* (2011) oleh Lidya Nazura dan *Bila Salam Bersambut* (2010) oleh Hilal Asyraf. Selain itu, terdapat kecenderungan penerbit mengeluarkan produk drama Islam yang kemudiannya disertai novel dengan tema Islam popular. Ini dilaksanakan oleh Galeri Ilmu Sdn Bhd yang telah menerbitkan empat drama bersiri Islam bersama novel iaitu *Hani* (2010), *Keimanan Cinta* (2011), *Dingin Salju Indiana* (2012) dan *Satu Bulan Tiga Bintang* (2013).

Fenomena novel popular Islam di Malaysia tidak dikaitkan dengan kebebasan media seperti yang berlaku di Indonesia. Walaupun Malaysia didominasi rejim autoritarian (Jacques Bertrand, 2013: 210), uniknya penyebaran agama Islam di media massa adalah bebas selagi tidak mengganggu-gugat kedudukan kerajaan. Parti UMNO (*United Malays National Organization*) memerintah Malaysia selama 58 tahun dan berjaya meningkatkan ekonomi negara dengan gaya kapitalisme beracuan Asia di bawah pemerintahan Mahathir Mohamad. Kejatuhan populariti Mahathir pada 2003 dikaitkan dengan kemahuan Parti Islam Semalaysia (PAS) yang didokongi majoriti penduduk Melayu untuk meletakkan Undang-Undang Syariah menggantikan Undang-Undang Sivil British. Justeru, UMNO telah melaksanakan strategi yang lebih Islamik di bawah pemerintahan Abdullah Badawi bagi menaikkan kembali sokongan terhadap parti elit tersebut (B. Barendregt, 2012: 317). Sejak 1970-an, Islam menjadi minat golongan Melayu kelas pertengahan dan dalam waktu yang sama menginginkan kemodenan. B. Barendregt (2012) menyokong pandangan Gole (2000) yang mengklifikasikannya sebagai pasca Islamisasi (*post-Islamism*) iaitu agama menembusi seluruh kehidupan. Akibatnya, muncullah Islam popular, mulai dari fesyen, gaya hidup, spa, pemprosesan makanan halal, novel, majalah, muzik, rancangan realiti televisyen dan laman sosial.

Justeru, kajian berpandangan bahawa fenomena novel popular Islam di Indonesia dan Malaysia dapat dikaitkan dengan konsep pasca Islamisasi dan komersialisasi. Para pengarang seperti Habiburrahman El-Shirazy memunculkan karya Islam pada waktu yang tepat dan kerjasama penerbit mengimejkan bentuk novel popular Islam meluaskan lagi pengedarannya. Berbeza dengan Indonesia, pasaran novel-novel popular Islam di Malaysia melalui batasan autoritarian kerajaan. Tema keislaman yang dibenarkan adalah tidak menyinggung dasar-dasar kerajaan. Perbezaan ini akan memungkinkan struktur novel popular Islam di Malaysia lebih longgar dan mempunyai nilai komersial yang lebih tinggi berbanding novel popular Islam di Indonesia.

### **SASTERA SERIUS KEPADA SASTERA POPULAR**

Pembacaan khusus AAC dan SS didapati mempunyai persamaan latar belakang yang kuat. Paling kukuh, keduanya tidak muncul dari fenomena novel popular Islam tetapi mencetus dan menyemarakkan fenomena tersebut. AAC disiarkan secara mingguan di Akhbar Republika dan SS disiarkan di Akhbar Utusan Melayu secara berkala sebelum diterbitkan menjadi novel. Habiburrahman El-Shirazy lahir pada 30 September 1976, hanya lapan bulan berbeza umur dengan Zaid Akhtar yang lahir pada 16 April 1977. Penulis-penulis ini mendalami pendidikan Islam sejak dari sekolah rendah, sekolah menengah dan universiti. Habiburrahman melanjutkan pengajian di Universiti al-Azhar, Mesir dalam jurusan Hadith, manakala Zaid Akhtar melanjutkan pengajian di Universiti Yarmouk, Jordan dalam bidang Bahasa Arab. Keduanya menjadi guru agama selepas tamat pengajian. Para penulis ini menganggotai kelab penulisan peringkat nasional dan pernah menghasilkan karya-karya sastera serius. Habiburrahman menganggotai Forum Lingkar Pena (FLP) dan Komunitas Sastra Indonesia (KSI) ketika belajar di Mesir. Keprolifikannya dalam bidang sastera puisi membolehkannya mewakili Indonesia dalam program *Kuala Lumpur World Poetry Reading* ke-9. Zaid Akhtar adalah ahli Minggu Penulis Remaja (MPR) iaitu persatuan yang dinaungi Dewan Bahasa dan Pustaka, Malaysia. Beliau pernah memenangi Hadiah Sastera Kumpulan Utusan sebanyak tiga kali bagi kategori novel remaja. Pada Ogos 2006, beliau terpilih menyertai program penataran sastera MASTERA di Bogor, Indonesia.

Walau bagaimanapun, masing-masing kini cenderung menghasilkan novel popular Islam. Kedua penulis memilih penerbit yang popular dan meletakkan imej popular pada judul, gambar di kulit buku, komentar dan ayat iklan. AAC dan SS menghadirkan tema, struktur plot dan dialog yang mudah. Sebagai contoh, AAC sarat dengan bahasa sehari-hari dan dialek tempatan. SS, walaupun dialog-dialognya mengandungi sastera tetapi tidak memerlukan pembaca untuk berfikir secara serius. Hal ini bertentangan dengan konsep sastera tinggi oleh Stanton (1965) *“That the serious fiction is difficult and challenging partly because it builds a complex structure of details around a central purpose or idea. Most serious fiction, thereof, demand careful reading and careful rereading.”*

Namun, AAC dan SS lebih mirip dengan struktur novel popular seperti yang digariskan Ida Rochani Adi (2011) iaitu kisah dengan plot yang mudah, pemborosan dialog, fizikal watak-watak utama yang penuh dengan kebaikan dan sempurna, konflik cinta segi tiga, pengakhiran yang bahagia dan watak utama sebagai pemenang. Ciri-ciri ini adalah kegemaran pembaca remaja dan memungkinkan untuk menjadi novel popular kebangsaan. Berbeza daripada novel popular umum, AAC dan SS sarat dengan sastera Islam yang menekankan kebaikan, keindahan dan kesempurnaan. Kedua-dua novel tidak menunjukkan adegan romantik dan jenayah yang berlebihan walaupun berisi perlawanan antara protagonis dan antagonis. Penulis-penulis juga mencatatkan unsur khutbah, nasihat, ayat-ayat al-Quran dan Hadis iaitu dua sumber utama Islam. Oleh itu, kajian bersetuju bahawa kedua penulis yang diasuh dalam iklim sastera serius ini cuba melibatkan diri dalam kesusasteraan popular bertujuan untuk menarik perhatian pembaca. Matlamat mereka adalah untuk menyampaikan mesej Islam dengan lebih berkesan. Mereka ingin memastikan kelangsungan Islam sebagai agama utama di Malaysia dan Indonesia.

### **STRATEGI DAKWAH DALAM AYAT-AYAT CINTA**

Dalam konteks negara Indonesia sebagai negara majoriti umat Islam terbesar di dunia, strategi dakwah adalah sesuatu yang penting untuk dikaji. Hal ini berdasarkan kepada populasi penduduk Islam Indonesia yang menurun daripada 95% kepada 85% pada 2012. Angka ini mengukuhkan pandangan Hefner (1993) yang mengatakan umat Islam Indonesia paling ramai memeluk agama Kristian di dunia moden. Salah-satu sebab penurunan tersebut adalah kejayaan misionaris Kristian melancarkan dakwah kepada penduduk Muslim Indonesia. Seo (2012:77) menyatakan jumlah penganut Kristian Katolik dan Protestant di Indonesia adalah sebanyak 20 juta daripada 250 juta penduduk. Fakta ini menggambarkan perlawanan dakwah Islam dan Kristianisasi yang terus berlangsung sejak abad ke 17. Oleh itu, strategi retorik digunakan sebagai alat dalam pertempuran menyebarkan kepercayaan agama-agama ini di Indonesia.

AAC adalah sebuah novel yang menawarkan strategi dakwah damai antara Islam dengan Kristian. Habiburrahman El-Shirazy menggunakan dua watak utamanya; Fahri dan Maria untuk mewakili Islam dan Kristian di Indonesia walaupun latar cerita AAC berlaku di Cairo. Jelasnya, Indonesia merupakan negara dengan bilangan terbesar umat Islam di dunia tetapi Indonesia kini mempunyai enam agama rasmi iaitu Islam, Hindu, Buddha, Katolik, Protestan, dan Konfusianisme. Manakala 245 agama 'tidak rasmi' yang terdiri daripada 10 juta pengikut (Zeen Zaenal, 2014: 1). Ini adalah satu cabaran bagi pendakwah Islam untuk memelihara dan mempromosikan Islam sebagai agama utama di Indonesia. AAC adalah idea pengarang untuk melindungi Islam dengan cara yang halus.

“Justeru tindakan kalian yang tidak dewasa seperti anak-anak ini akan menguatkan pendapat media massa Amerika yang selama ini beranggapan orang Islam kasar dan tidak

berperikemanusiaan. Padahal baginda Rasul mengajarkan kita menghormati tetamu. Apakah kalian lupa, baginda bersabda, siapa yang beriman kepada Allah dan hari akhirat, maka hormatilah tetamunya. Jika tidak, ya terserah! Lakukanlah apa yang ingin kalian lakukan. Tetapi jangan sekali-kali kalian menamakan diri kalian yang tidak menghormati tetamu itu sebagai Muslim kerana kelakuan kalian jauh dari Islam.”

(AAC: 43)

Tahun-tahun pasca-Suharto, terutamanya di antara 1999 dan 2009, adalah masa yang tidak menentu. Pergolakan radikal mengubah wajah Indonesia kepada negara bermasalah dengan turun naik presiden dan konflik antara agama (Moh Yasir Alimi, 2014: 24). Sebagai contoh, peristiwa pengeboman Bali pada 12 Oktober 2002 di daerah pelancongan Kuta, Pulau Bali, Indonesia. Serangan itu mengorbankan 202 orang dan 240 orang cedera. Keadaan ini membangkitkan ketakutan di kalangan non-Muslim. Melalui watak Fahri, Habiburrahman cuba untuk memperbaiki hubungan antara agama.

“Islam mengajarkan kita bagaimana memperlakukan non-Muslim dan para tetamu asing yang masuk secara rasmi dan baik-baik di negara umat Islam.”

“Mereka menjadi tetamu rasmi, tidak haram, maka harta, kehormatan dan darah mereka wajib kita jaga bersama-sama. Jika kita menyakiti mereka, kita seolah-olah menyakiti baginda Nabi kita, juga telah menyakiti Allah.”

(AAC: 46)

AAC diterbitkan pada 2003 kira-kira setahun selepas peristiwa pengeboman Bali. Jadi, adalah jelas bahawa penulis ingin memurnikan pandangan non-Muslim kepada Islam. Beliau mengangkat kembali akhlak Islam dengan memetik teladan Nabi Muhammad SAW. Habiburrahman El-Shirazy juga mencipta karakter Maria, gadis Kristian Mesir. Maria dan Fahri adalah jiran dan teman baik walaupun berbeza agama dan bangsa. Dalam sejarah Islam, Nabi Muhammad SAW pernah menikahi Mariah al-Qibtiyah, hamba Kristian Koptik Mesir yang telah dihantar sebagai hadiah dari Muqawqis, seorang pegawai Byzantine pada 628 Masihi. Mariah al-Qibtiyah adalah ibu Ibrahim, salah-seorang anak lelaki Nabi Muhammad SAW yang meninggal dunia ketika bayi. Penulis membuktikan bahawa terdapat hubungan yang baik antara Kristian dan Islam sejak zaman nabi SAW. Oleh itu, beliau mengkritik sikap umat Islam yang tidak menghormati agama lain.

“Jadi, ini bukan hanya interaksi dua person sahaja, tapi dua keluarga. bahkan, lebih besar dari itu, dua bangsa dan dua penganut keyakinan yang berbeza. Inilah keharmonian hidup sebagai umat manusia yang beradab di muka bumi ini.”

(AAC: 59)

Selain itu, penulis juga mengkritik sikap ulama Islam di Indonesia. Sebahagian mereka tidak mengikuti akhlak Nabi Muhammad SAW.

“Tidak seperti beberapa kiyai (imam) di Indonesia yang mengurus umat mengeluarkan sedekah jariah, bahkan menyuruh pelajarnya berkeliling daerah mencari sumbangan dana dengan berbagai cara termasuk menjual kalendar, tetapi dia sendiri cuma goyang-goyang kaki di masjid atau pesantren.”

(AAC: 117)

“Dakwah Nabi dengan perbuatan lebih banyak berbanding dakwah beliau dengan khutbah dan perkataan. Ummul Mukminin, Aisyah, berkata, “Akhlak Nabi adalah al-Quran!” Nabi tidak kisah mencari kayu bakar untuk sahabatnya. Para Sahabat meneladani apa yang beliau contohkan.”

(AAC: 118)

Dalam AAC, penulis telah menggunakan pengetahuannya tentang al-Quran dan Hadis bagi menjelaskan Islam yang sebenar. Strategi dakwahnya banyak tertumpu kepada hujahan dan tindakan watak utama, Fahri. Lelaki muda ini mempunyai ilmu yang tinggi, perangai yang baik, taat agama, rupa paras yang sempurna serta romantik. Penampilan ini mampu menjinakkan pembaca terutama remaja perempuan. Pengakhiran novel ini mengukuhkan lagi ciri popularnya apabila pengarang mengahwinkan watak Maria dan Fahri walaupun sebagai isteri kedua. Maria memeluk agama Islam sebelum dia meninggal dunia. Kematian Maria adalah penamat kontroversi poligami dan secara tidak langsung memberi kebahagiaan kepada pembaca wanita.

### STRATEGI DAKWAH DALAM *SALJU SAKINAH*

SS mengisahkan tentang gadis bernama Sumayyah yang berjaya menamatkan pengajian Islamnya di Universiti Yarmouk, Jordan. Selepas ayahnya meninggal dunia, Sumayyah terpaksa mengambil-alih pengurusan kilang milik arwah ayahnya. Konflik berlaku apabila Sumayyah cemas dan berkata pada dirinya, bolehkah seorang graduan Pengajian Islam menguruskan perniagaan? Kegusaran ini diadukan kepada kakaknya.

“Kak Ngah pun tahu yang saya ni lulusan agama.”

“Apa salahnya? Bisnes ni pun kerja mulia. Lulusan agama tak semestinya jad iustaz-ustazah, pensyarah atau yang berkaitan dengan bidangnya saja. Bila lagi kita nak wujudkan usahawan agamawan?”

(SS: 199)

Pengarang mengkritik sikap lulusan Pengajian Islam yang kurang melibatkan diri dalam bidang perniagaan. Kebanyakannya memilih sektor pendidikan. Berdasarkan statistik bulan Disember 2010, 391,400 orang atau 3.25 peratus menganggur di Malaysia dan 32,000 orang atau 8.2 peratus daripadanya adalah graduan universiti (Siti Hajar, 2012: 4). Penulis menggunakan teknik sindiran untuk mengkritik lulusan Pengajian Islam yang tidak berfikir 'di luar kotak'. Watak Sumayyah disengajakan sebagai 'wanita' bagi menguatkan hujah bahawa perniagaan adalah penting tanpa mengira jantina. Bahkan, wanita juga perlu bersedia menggalas jawatan ketua dan pengurus.

Sumayyah tidak hanya dijadikan simbol graduan Pengajian Islam dalam persekitaran kerjaya tetapi juga adalah pendakwah. Melalui watak ini, pengarang menyatakan kebenciannya terhadap isu pendedahan tubuh wanita. Beberapa dialog dalam SS dapat menyatakan kemarahan tersebut.

“Sesak dengan kenderaan atau sesak dada?” tanya Sumayyah seraya menggeleng melihatkan seorang gadis Cina berbaju singkat paras lutut dan berjeans ketat sedang melintas jalan. Namun gelengan kepalanya disusuli Istigfar apabila melihat dua gadis Melayu awal 20-an berpakaian hampir-hampir menyerupai amoi tadi.”

(SS: 22)

“Tak malu betul. Budak-budak kita pun (Melayu) pakaiannya makin teruk sekarang.”

(SS:229)

“Hai, kalau umi ada anak lelaki, na'uzubillah nak jadikan menantu.”

(SS:229)

Perbincangan tentang pakaian wanita sering disentuh pengarang Muslim lelaki. Abu A'la al-Maududi (1972) misalnya mengatakan “*That women's innate stance is one of 'resistance and escape' of 'modesty' and 'shyness.'*” Manakala H.Azam (2013:57) berpandangan, “*The authentic,*



*uncorrupted, and virtuous woman will always flee erotic contact even while, herself, attracting male desire.*”

Hal ini selari dengan tuntutan al-Quran yang bermaksud:

“Dan katakanlah kepada para wanita yang beriman, agar mereka menjaga pandangannya, dan menjaga kemaluannya, dan janganlah menampakkan perhiasannya (auratnya) kecuali yang (biasa) terlihat. Dan hendaklah mereka menutup kain kerudung ke dadanya, dan janganlah menampakkan perhiasannya (auratnya) melainkan kepada suami mereka, atau bapa mereka, atau ayah suami mereka, atau anak-anak lelaki mereka, atau anak-anak lelaki suami mereka, atau saudara-saudara lelaki mereka, atau anak-anak lelaki saudara lelaki mereka, atau anak-anak lelaki saudara perempuan mereka, atau para wanita (sesama Islam) mereka, atau hamba sahaya yang mereka miliki, atau hamba-hamba lelaki (tua) bebas dari keinginan fizikal, atau anak-anak kecil yang tidak memahami tentang aurat wanita. Dan janganlah mereka menghentakkan kaki mereka agar diketahui apa yang tersembunyi dari perhiasan mereka. Dan bertaubatlah kamu sekalian kepada Allah semata, wahai orang yang beriman, supaya kamu beroleh kejayaan.”

(24:31)

Hakikatnya, penulis melalui watak wanitanya mengingatkan pembaca tentang aurat dalam Islam. Sebagai lulusan agama, beliau bertanggungjawab untuk melarang wanita-wanita Islam mendedahkan aurat. Dengan mewakili watak wanitanya, suara patriaki penulis dapat dielakkan.

Zaid Akhtar seterusnya menekankan bahawa ajaran sesat sebagai *bidaah dalalah*. Di Malaysia, ajaran sesat di kalangan umat Islam adalah sukar dihapuskan. Menurut Ahmad Hidayat (2011), apabila fahaman dianggap sesat melalui fatwa maka agensi kerajaan negeri, terutama jabatan agama Islam akan mengambil langkah untuk menguatkuasakan fatwa tersebut dengan mengadili individu yang terlibat. Mendakwa pesalah-pesalah di bawah kategori ini adalah sukar kerana masalah pentadbiran dan biokrasi. *Salju Sakinah* menggambarkan realiti di kalangan wanita Islam di Malaysia yang menjadi mangsa ajaran sesat iaitu eksploitasi tubuh dan seksualiti.

“Bekas suami akak dulunya tak pernah tinggal sembahyang tapi akhirnya tersesat bila menuntut dengan Tok Ayah Mit. Katanya buat apa kita tonggang-tonggek sembahyang, sebab ibadah cukup dengan niat. Yang penting batinnya, bukan zahir.”

(SS: 342)

“Abang Mior dan kawan-kawannya meratib dengan kuat di luar. Si tua keparat itu bagi akak minum air jampinya. Lepas akak minum, akak mula rasa tak sedap. Dia suruh akak baring. Akak tak mahu walaupun kepala dah rasa semacam. Memang Allah masih sayangkan akak. Bila dia cuba peluk akak, akak gigit tangan dia sekuat hati dan lari keluar.”

(SS: 343)

*Salju Sakinah* adalah kekecewaan penulis terhadap kerajaan Malaysia yang gagal menyelesaikan masalah ajaran sesat. Oleh itu, dalam novel ini penulis telah menghukum Tok Ayah Mi, pemimpin ajaran sesat dan para pengikutnya, termasuk Abang Mior dengan kematian akibat dipanah petir (Zaid Akhtar, 2008: 410-411).

Walaupun Sumayyah berhadapan dengan pelbagai cabaran di sekitarnya, ia adalah alat dakwah penulis untuk bertindak-balas terhadap masalah-masalah umat Islam di Malaysia. Penulis membangkitkan isu-isu utama antaranya pengangguran di kalangan orang Melayu, eksploitasi tubuh-badan dan ajaran sesat dalam novel popular yang menjadi pilihan generasi

muda. Strategi ini sangat efektif, kerana secara tidak langsung mereka akan berfikir sesuatu yang serius di sebalik pembacaan novel popular.

### KESIMPULAN

Perbincangan ini menjelaskan perbezaan antara AAC dan SS. Walaupun novel-novel ini muncul dengan latar penulis yang hampir sama termasuk mengeksploitasi pengalaman di Jordan dan Mesir, tetapi mereka menetapkan isu-isu yang berbeza. Zaid Akhtar memberi tumpuan kepada isu-isu tempatan Islam di Malaysia seperti kerjaya di kalangan graduan pengajian Islam, pendedahan aurat wanita dan ajaran sesat, Habiburrahman El-Shirazy cenderung menggambarkan hubungan antara agama khususnya Islam dan Kristian. Saya percaya, perbezaan ini merujuk kepada isu-isu realiti Islam di Malaysia dan Indonesia.

Keadaan Islam di Indonesia yang mencabar menjadikan mesej dalam AAC lebih kuat dan padat berbanding SS. Walau bagaimanapun, kedua-dua pengarang menggunakan strategi dakwah Islam iaitu teknik yang popular bagi menyampaikan mesej yang serius. Ini juga adalah faktor mengapa para pengarang yang memulai penulisan mereka dengan karya serius, kemudiannya memilih aliran popular adalah untuk menyampaikan Islam dengan lebih berkesan.

Fenomena ini tidak membantutkan wacana dan teori kesusasteraan Islam malah membuka ruang perbincangan baru mengenainya. Sastera Islam yang bersifat dakwah sejak ia muncul di Nusantara, perlulah beradaptasi dengan perubahan dan gaya hidup masyarakat semasa.

### RUJUKAN

- Ahmad Hidayat Buang. 2011. Fatwa ajaran sesat dari sudut undang-undang dan cabaran pembanterasannya di Malaysia. *Journal of fatwa management and research*, 2, 27-47.
- Ahmad Mujib El-Shirazy. 2009. *The inspiring life of Habiburrahman El Shirazy*. Jakarta: Balai Pustaka.
- Anif Sirsaeba El-Shirazy. 2006. *Fenomena ayat-ayat cinta*. Jakarta: Penerbit Republika.
- Ariel Heryanto. 2011. Upgrade piety and pleasure: The new middle class and Islam in Indonesian popular culture dalam Andrew N. Weintraub, (Ed.). *Islam and popular culture in Indonesia and Malaysia*. London: Routledge, 96-125.
- Barendregt, B. 2012. Sonic discourse on Muslim Malay modernity: The Arqam sound. *Journal of contemporary Islam*, 3(6), 315-340.
- Bertrand, J. 2013. *Political change in Southeast Asia*. New York: Cambridge University Press.
- Habiburrahman El-Shirazy. 2006. *Ayat-ayat cinta*. Kuala Lumpur: Ar-Risalah Product.
- Hina Azam. 2013. Sex, marriage, and eroticism in contemporary Islamic advice literature. *Journal of Middle East women's studies*, 1, 54-80.
- Ida Rochani Adi. 2011. *Fiksi populer: Teori & metode kajian*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Moh Yasir Alimi. 2014. Local repertoires of reasoning and the Islamist movement in post authoritarian Indonesia. *Indonesia and The Malay World*, 122(42), 24- 42
- Mohd Faizal Musa. 2012. *Wacana sastera Islam di Malaysia & Indonesia*. Serdang: Penerbit UPM.
- Mohd Zariat Abdul Rani. 2012. Islam, romance and popular taste in Indonesia. *Indonesia And the Malay world*, 116(40), 59-73.
- Mohd Zariat Abdul Rani. 2014. A love blessed by God: Narratives in the popular Islamic Novels of Malaysia. *Southeast Asia Journal*, 23(3), 103-112.

- Mohd Taufik Arridzo Mohd Balwi. 2014. *Syair ma'rifat: Mencanai mutiara memperkasa agama. Jurnal Melayu*, 13, 1-17.
- Monika Arnez. 2009. Dakwah by the pen: Reading Helvy Tiana Rosa's bukavu. *Indonesia and The Malay world*, 113(37), 45- 64.
- Jacobus Ranjabar . 2013. *Sistem sosial budaya Indonesia*. Bandung: Penerbit Alfabeta.
- Ricci, R. 2010. Islamic literary networks in South and Southeast Asia. *Journal of Islamic studies*, 21(1), 1-28.
- Siti Hajar Abdul Rauf & Maimunah Abdul Rauf. 2012. Keberkesanan program skim latihan graduan bagi mengurangkan kadar pengangguran dalam kalangan siswazah. *Jurnal Islam dan masyarakat kontemporari*, 5, 3-12.
- Seo, M. 2012. Falling in love in changing Gods. *Indonesia and The Malay world*, 121(41), 76-96.
- S.K, Ishadi. 2011. Negotiating mass media interest and heterogeneous Muslim audiences in the contemporary social-political environment of Indonesia. In Andrew N. Weintraub, (Ed.). *Islam and popular culture in Indonesia and Malaysia*. London: Routledge, 44-75.
- Umami Hani Abu Hassan. 2013. Habiburrahman El-Shirazy: Dari pesantren ke sinetron. Kertas kerja, Seminar Antarabangsa Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Mei.
- Zaid Akhtar. 2010. *Salju Sakinah*. Kuala Lumpur: PTS Litera.
- Zezen Zaenal Muttaqin. 2014. Penghayat, orthodoxy and the legal politics of the state. *Indonesia and The Malay world*, 122 (42), 1-23.

#### **PENGHARGAAN**

Para penulis mengucapkan terima kasih kepada Hankuk University of Foreign Studies kerana memberi dana untuk kajian ini di bawah Hankuk University of Foreign Studies Research Fund of 2015.

#### **Biodata Penulis:**

##### **Koh Young Hun**

Penulis merupakan Profesor di Jabatan Melayu-Indonesia, Hankuk University of Foreign Studies, Seoul. Bidang pengkhususan beliau ialah sastera bandingan Melayu dan Indonesia. Beliau juga adalah pengkaji karya-karya Pramoedya Ananta Toer.

##### **Umami Hani Abu Hassan**

Penulis merupakan pelajar Doktor Falsafah di Jabatan Melayu-Indonesia, Hankuk University of Foreign Studies, Seoul. Beliau sedang melakukan penelitian khusus terhadap novel popular Islam di Malaysia dan Indonesia. Beliau juga adalah pemegang biasiswa Universiti Malaya dan Hankuk University of Foreign Studies, Seoul.